



SIARAN MEDIA

ISTIADAT PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PAHLAWAN TAHUN 2023

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan Bercemar Duli Ke Istiadat Perbarisan Sempena Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2023 bertempat di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya hari ini. Turut berangkat sama adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Pada tahun ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah dipertanggungjawabkan sebagai penganjur istiadat perbarisan berkonsepkan perbarisan statik dengan penglibatan enam (6) detasmen yang terdiri daripada PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM), Pesara Polis dan Bekas Polis, PDRM. Perbarisan diketuai oleh Superintendan Mohd Rezuan Bin Juragan dari PDRM.

18 pegawai dan 652 anggota lain-lain pangkat dari PDRM dan ATM terlibat dalam menjayakan istiadat perbarisan pada kali ini. Antara pengisian dalam istiadat perbarisan ini adalah alunan deklamasi sajak berjudul 'Pahlawanku' ciptaan Mejar (B) Mohamed B. Awang yang disampaikan oleh Sarjan Roseshini Binti Kasim dari PDRM dan Pegawai Waran 1 Yomen Marzelan Bin Md. Jusoh Dari ATM.

Kemuncak acara adalah persembahan Pantomim mengisahkan pengorbanan pejuang negara ketika pertempuran di Perkampungan Air Sri Jaya, Simunul, Semporna, Sabah yang berlaku pada 2 Mac 2013. Pertempuran berdarah tersebut telah mengorbankan enam (6) pegawai polis dari Cawangan Khas, Pasukan Gerakan Am (PGA), Ibu Pejabat

Polis Kontinjen (IPK) Sabah Serta Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna yang terlibat dalam misi menentang Pengganas *Royal Sulu Force (RSF)*.

Bagi menghargai jasa dan sifat keperwiraan kepada negara tersebut, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke XIV (14) Almarhum Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah telah berkenan mengurniakan Bintang Panglima Gagah Berani kepada mereka pada 2 Disember 2014.

Pahlawan-Pahlawan Negara yang gugur ketika pertempuran berdarah tersebut adalah:-

1. ACP Ibrahim Lebar, Cawangan Khas Bukit Aman;
2. DSP Michael Anak Padel, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Semporna;
3. SM Baharin Bin Hamit, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah;
4. SM Abdul Azis Bin Sarikon, Pasukan Gerakan Am Tawau;
5. KPL Mohd Azrul Bin Tukiran, Pasukan Gerakan Am Tawau; dan
6. SJN Sokongan Salam Bin Togiran, Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau.

Hari Pahlawan disambut pada 31 Julai setiap tahun bagi memperingati dan menghargai semangat keberanian di samping menghargai jasa para rerwira dan perajurit pasukan keselamatan negara, terutama mereka yang gugur demi mempertahankan keamanan serta kedaulatan Malaysia.

Turut hadir dalam istiadat ini adalah Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim dan YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail; Menteri Pertahanan, YB Datuk Seri Utama Haji Mohamad bin Hasan; Menteri Dalam Negeri, YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail dan Isteri YBhg. Datin Seri Norhayati binti Musa: Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang: TUDM dan Isteri YAM Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Datuk Hajah Tengku Muhaini binti Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah; Ketua Polis Negara, YBhg. Inspektor Jeneral Tan Sri Razarudin bin Husain dan Isteri YBhg. Puan Sri Zainah binti Othman.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

31 JULAI 2023

-TAMAT-